

14 JUN 2001

Hishammuddin-Pemuda

PELETAKAN JAWATAN MOKHZANI BUKAN ATAS DESAKAN MANA-MANA PIHAK

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata tindakan Datuk Mokhzani Mahathir melepaskan jawatan Bendahari Pemuda Umno adalah keputusannya sendiri dan bukan atas desakan mana-mana pihak.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani penajaan Petronas, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan Proton bagi menjayakan Sukan SEA Kuala Lumpur September ini, di sini.

Hishammuddin, ketua pergerakan itu, berkata Mokhzani memutuskan untuk melepaskan jawatan itu selepas mengadakan perbincangan panjang lebar dengan beliau.

Selasa lalu, Hishammuddin mengumumkan beliau telah menerima surat peletakan jawatan daripada Mokhzani.

Katanya, beliau sudah berbincang lama dengan Mokhzani dan merasakan sudah tiba masanya untuk jawatan dan tanggungjawab itu diserahkan kepada penyandang yang baru.

Hishammuddin berkata, Mokhzani telah berjanji kepadanya untuk tetap membantu dan memberi sumbangan kepada pergerakan itu pada masa depan dan ia dialu-alukan.

April lalu, Mokhzani mengumumkan untuk berundur dari dunia korporat kerana tohmahan yang memburuk-burukkan namanya serta bapanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata pada Perhimpunan Agung Umno minggu depan, beliau akan membentangkan gerak kerja Pemuda Umno bagi tiga tahun akan datang yang berteraskan kepada empat perkara.

Empat perkara itu membabitkan isu agama, sosial, pendidikan dan latihan.

"Empat perkara ini akan menjadi hala tuju utama Pemuda Umno bagi tempoh tiga tahun akan datang dan ia akan dilaksanakan di semua peringkat sehingga ke akar umbi," katanya.

Beliau juga akan mengumumkan rombakan biro-biro di bawah pergerakan itu yang mana ia akan disesuaikan mengikut gerak kerja baru yang akan diumumkan beliau nanti.

-- BERNAMA

MOT AHH RI